KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Kolej KEDA tawar latihan teknologi motor elektronik
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdf2xe4h

Utusan Malaysia

POULTRY ASIA 2026 Co-locating with: AQUACULTURE'26 PETASIA2026 22-24 SEPTEMBER 2026 WORLD TRADE CENTRE (WTCKL) EXHIBITION HALL 4 (LEVEL 4)

TERKINI NASIONAL EKONOMI RINGGIT LUAR NEGARA GAYA SUKAN RENCANA PANCAINDERA SERI PR NEWSWIRE



Sakit sendi yang teruk? Buat ini sebaik anda bangun tidur

Powered by mgid

Kolej Keda tawar latihan teknologi motosikal elektrik



RUBIAH Wang menyampaikan sijil kepada graduan pada Majlis Graduasi kali ke-13 Kolej Keda dan Pelancaran EV-MIACE di Sik, semalam. – UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD 21 September 2026, 7:55 am


SIK: Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) menjadi institusi latihan pertama di Kedah yang membuka laluan kepada pelajar mempelajari teknologi motosikal elektrik, sekali gus memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, modul pembelajaran itu akan dilaksana melalui kerjasama bersama Syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sendirian Bhd. (Modenas) yang menubuhkan Academia Centre of Excellence (EV-MIACE).

Katanya, fasa pertama pelaksanaan melibatkan 25 pelajar baharu melalui pengambilan Julai lalu membuktikan komitmen Kolej Keda dalam memperkukuh TVET selaras dengan perkembangan teknologi serta keperluan industri masa kini.

"EV-MIACE berfungsi sebagai pusat rujukan kecemerlangan dalam bidang teknologi motosikal elektrik yang memberi tumpuan kepada tiga elemen utama iaitu penyelidikan, inovasi dan kerjasama industri.





KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	The Star
TAJUK	New EV centre to strengthen TVET training
PAUTAN	https://tinyurl.com/4bwpjbye

New EV centre to strengthen TVET training

Monday, 21 Sep 2026

Related Stories



STARPICKS 18 Jul 2022
MIACES offers the agricommodity sector new market...

NATION 26 Jul 2022
M'sia-China JV to produce hydrotreated vegetable oil...

COMMODITIES 25 May 2022

SIK: The establishment of the Academic Centre of Excellence (EV-MIACE), which focuses on electric motorcycle technology, has the potential to strengthen Technical and Vocational Education and Training (TVET) in that field.

Deputy Rural and Regional Development Minister Datuk Rubiah Wang stated that Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) is the first training institution in the state set to offer such training in collaboration with Syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sendirian Berhad (Modenas).

"The centre will not only serve as a training hub for students but also has the potential to function as a research and innovation centre for electric vehicle (EV) technology.

"This collaboration not only provides students with expertise in EV technology but also gives instructors the opportunity to upskill and undergo reskilling related to EV technology," she told reporters after the 13th Keda College Graduation Ceremony and the Launch of the Keda College-Modenas EV-MIACE yesterday, Bernama reported.

Rubiah further noted that current developments in EV technology open up new opportunities for TVET graduates to master skills required by the industry, thereby enhancing their employability both domestically and internationally.

"Our hope is that this collaboration will not only enable the sharing of expertise in EV technology but also provide space to generate a skilled workforce. Many more memorandums of understanding (MOUs) with other industries will be established to ensure our education system is more structured and comprehensive."

According to Rubiah, the automotive field is not solely focused on EV technology; students will also have the opportunity to study other automotive areas, including high-powered motorcycles.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Edu Bestari
TAJUK	Pengambilan pelatih KEMAS sesi Januari 2027 melalui UP - TVET kini dibuka!
PAUTAN	https://tinyurl.com/mwak254j

Peluang Belajar Kemahiran Percuma & Berelaun: Pengambilan Pelatih KEMAS Sesi Januari 2027 Melalui UP-TVET Kini Dibuka!



FIG.01 / FEATURED Visual utama untuk artikel "Peluang Belajar Kemahiran Percuma & Berelaun: Pengambilan Pelatih KEMAS Sesi Januari 2027 Melalui UP-TVET Kini Dibuka!".

Tak sambung universiti bukan bermaksud peluang untuk membina kerjaya sudah tertutup. Bagi lepasan sekolah dan golongan belia yang lebih minat belajar secara praktikal, pengambilan UP-TVET Siri Perdana 1/2027 membuka satu lagi laluan…

Cikgu Ta · EDITOR EDUBESTARI · DITERBITKAN 21 Sep 2026 · 5 MIN BACAAN

SIMPAN
KONGSI
KANDUNGAN

Tak sambung universiti bukan bermaksud peluang untuk membina kerjaya sudah tertutup. Bagi lepasan sekolah dan golongan belia yang lebih minat belajar secara praktikal, pengambilan **UP-TVET Siri Perdana 1/2027** membuka satu lagi laluan untuk mendapatkan latihan kemahiran. UP-TVET merupakan saluran tunggal permohonan kursus TVET yang diperkenalkan kerajaan bagi menyelaraskan permohonan ke institusi TVET, termasuk penawaran kursus sepenuh masa bagi ambilan Januari.

Antara pilihan yang boleh dicari melalui portal tersebut ialah program di bawah **Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)**. Apa yang menarik, sesetengah kursus KEMAS tidak mensyaratkan calon mempunyai kelayakan akademik tinggi. Dalam penawaran Akademi Kemahiran KEMAS yang dipaparkan melalui UP-TVET, terdapat program yang menerima calon tanpa pendidikan formal asalkan mempunyai minat serta kebolehan asas membaca, menulis dan mengira. Walau bagaimanapun, syarat sebenar berbeza mengikut kursus, termasuk umur, kewarganegaraan, status Bumiputera, taraf perkahwinan atau sijil kemahiran terdahulu.

Maksudnya, jangan terus membuat kesimpulan:

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Astro Gempak
TAJUK	Kisah pelopor pekebun kecil getah diangkat ke pentas, 'Tok Ki' hidupkan semula sejarah yang hampir dilupakan
PAUTAN	https://tinyurl.com/mrt6daua

BERITA TEMPATAN

Kisah Pelopor Pekebun Kecil Getah Diangkat Ke Pentas, 'Tok Ki' Hidupkan Semula Sejarah Yang Hampir Dilupakan

Amri Hassan
21/09/2026 | 23:02 MYT



Sekilas

- Teater 'Tok Ki' mengangkat kisah benar Mohd Isa Pandak Mat Aris, pelopor pekebun kecil getah di Malaysia, yang diolah dan diarahkan oleh Amran Nasrudin.
- Pementasan ini menampilkan perjalanan Tok Ki dari bekerja di estet getah hingga berani membuka kebun sendiri walaupun berdepan cabaran dan pandangan sinis masyarakat.
- Teater akan dipentaskan pada 24 hingga 26 September 2026 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dengan harga tiket RM20.

Advertisement

Nama Mohd Isa bin Pandak Mat Aris mungkin tidak begitu dikenali generasi hari ini, namun perjalanan hidupnya sebagai antara pelopor penting pekebun kecil getah negara kini diangkat menerusi pementasan teater 'Tok Ki'.

Diarahkan dan diolah skripnya oleh Amran Nasrudin, 'Tok Ki' membawa penonton menelusuri kisah seorang anak kampung yang berani mengusahakan tanaman getah sendiri ketika usahanya pada awalnya dipandang sinis oleh masyarakat sekeliling.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Tiada sekatan peruntukan KKDW bagi projek jalan luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/afxbta6p

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Malaysia - Indonesia perkukuh kerjasama strategik dan industri halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/te8wx925

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	NASIONAL fm
TAJUK	Malaysia - Indonesia perkukuh kerjasama strategik dan industri halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/39akdjwu

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	KL fm
TAJUK	Malaysia - Indonesia perkukuh kerjasama strategik dan industri halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wbz4rkf

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	AI fm
TAJUK	Malaysia - Indonesia perkukuh kerjasama strategik dan industri halal ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/yd3temkn

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kolej KEDA di barisan hadapan
PAUTAN	https://tinyurl.com/2hs7bsrz

Kolej KEDA di barisan hadapan

Jadi institusi latihan pertama di Malaysia tawar latihan khusus teknologi motosikal elektrik bersama MODENAS

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Sik

Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) menjadi institusi latihan pertama di Kedah menawarkan latihan khusus teknologi motosikal elektrik menerusi penubuhan Academia Centre of Excellence (EV-MIACE) hasil kerjasama strategik dengan Syarikat Motosikal dan Enjin Nasional Sendirian Berhad (MODENAS).

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Rubiah Wang berkata, inisiatif itu membuktikan komitmen Kolej KEDA memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) selaras perkembangan teknologi serta keperluan industri semasa.

Katanya, kerjasama berkenaan turut membuka ruang kepada pelajar mendapat pendedahan secara lebih dekat terhadap teknologi baharu dalam industri automotif.

"Pada hari ini, Kolej KEDA melangkah satu tapak lagi ke hadapan menerusi pelancaran Academia Centre of Excellence (EV-MIACE), hasil kolaborasi strategik antara Kolej KEDA dan MODENAS.

"Kerjasama ini sekali gus meletakkan Kolej KEDA di barisan hadapan dalam evolusi teknologi automotif elektrik dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran, penyelidikan, inovasi dan kerjasama industri.

Katanya, kewujudan pusat itu juga akan membantu meningkatkan keupayaan tenaga pengajar dan pelajar menerusi pendedahan kepada teknologi terkini yang diperlukan dalam industri automotif.

"Inisiatif ini akan memperkukuh keupayaan tenaga pengajar dan pelajar melalui pendedahan kepada teknologi terkini selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), teknologi hijau dan transformasi industri automotif negara," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan fasa pertama secara rintis membabitkan 25 pelajar baharu pengambilan Julai 2026 yang akan mengikuti modul pembelajaran motosikal elektrik hasil kerjasama dengan MODENAS.

Katanya, selain program sepenuh masa, EV-MIACE turut dirancang menawarkan kursus jangka pendek kepada orang awam, pekerja industri, mekanik dan individu yang mahu meningkatkan kemahiran dalam penyelenggaraan serta teknologi motosikal elektrik.

"Langkah ini dijangka membuka peluang kepada lebih ramai masyarakat mendapatkan kemahiran berkaitan teknologi berkenaan, selain menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan keperluan tenaga kerja industri automotif.

Sementara itu, seramai 482 graduan Kolej KEDA bagi sesi Disember 2024 hingga Jun 2026 diraikan pada Majlis Graduasi Kali Ke-13 Kolej KEDA.

Daripada jumlah itu, 367 graduan adalah daripada program TVET, manakala 115 lagi graduan Tahfiz TVET membabitkan 15 Pusat Tahfiz TVET yang berkolaborasi dengan Kolej KEDA.

Seramai 327 graduan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 membabitkan tujuh bidang iaitu Teknologi Elektrik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Motosikal, Seni Kulinari, Teknologi Automotif serta Teknologi Fesyen Lelaki dan Wanita.

Manakala 40 graduan menerima Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (HVAC).



SERAMAI 482 graduan Kolej KEDA bagi sesi Disember 2024 hingga Jun 2026 diraikan pada Majlis Graduasi Kali Ke-13 Kolej KEDA.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Huffaz tembusi bidang profesional
PAUTAN	https://tinyurl.com/45cp6u8e



NEGARA »12

4,812 pelajar huffaz MRSM jadi profesional

Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata pencapaian ini membuktikan para huffaz bukan sekadar menghafal keseluruhan 30 juzuk al-Quran, tetapi juga cemerlang dalam akademik dan mampu menceburi pelbagai bidang profesional.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	MARA Career Crafting tawar lebih 5,000 peluang pekerjaan
PAUTAN	https://tinyurl.com/y9ebex6z

Mara Career Crafting tawar lebih 5,000 peluang pekerjaan

BANGI – Lebih 5,000 peluang pekerjaan ditawarkan kepada graduan dan pencari kerja menerusi program Mara Career Crafting 2026 yang berlangsung di German-Malaysian Institute (GMI) di sini.

Ahli Majlis Mara, Datuk Rosni Sohar berkata, peluang tersebut dibawa oleh lebih 60 syarikat dan majikan yang menyertai program yang berlangsung selama dua hari bermula Ahad.

"Penyertaan melibatkan syarikat sektor multinasional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat awam tersenarai (PLC) dan syarikat tempatan.

"Ini bermakna setiap peserta yang melangkah ke dewan ini membawa bersama bukan sekadar harapan, tetapi peluang nyata yang boleh diubah menjadi kerjaya, pendapatan dan masa depan," katanya ketika berucap merasmikan Mara Career Crafting 2026 Central Chapter di GMI Bangi pada Isnin.

Dilaksanakan di lima zon seluruh negara, program disusun berdasarkan keperluan industri dan pasaran pekerjaan setempat.

Central Chapter yang berlangsung di GMI Bangi menjadi pembuka tirai diikuti di Johor pada 26 dan 27 September, Terengganu (17 dan 18 Oktober), Kedah (24 dan 25 Oktober) dan Sarawak pada tarikh yang akan ditetapkan.

Dalam pada itu Rosni menjelaskan, Career Crafting bukan sekadar karnival kerjaya, sebaliknya inisiatif strategik Mara memperkukuh pembangunan modal insan negara.

Menurut beliau, usaha itu selaras dengan Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara, Rangka Tindakan Ekonomi Madani serta aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

"Objektif program ini bertitik tolak daripada satu kesedaran bahawa kejayaan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui bilangan graduan dilahirkan, tetapi melalui keupayaan mereka menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara dan masyarakat.

"Pada peringkat paling asas, program ini berusaha memperluas akses kepada peluang dan pemadanan pekerjaan bagi graduan serta pencari kerja," ujarnya.

Sementara itu beliau menegaskan, isu kebolehpasaran graduan dan ketidakpadanan pekerjaan perlu ditangani secara bersama bagi merapatkan jurang antara kurikulum akademik dengan keperluan sebenar industri.

Oleh demikian Rosni menjelaskan, program berkenaan turut melibatkan 44 Institut Pendidikan Mara (IPMa) dari Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

Selain peluang pekerjaan, program itu turut memberi tumpuan kepada persediaan kerjaya termasuk penyediaan resume dan kemahiran menghadapi temu duga.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Rosni (duduk, tiga dari kiri) bergambar bersama tetamu yang hadir pada Majlis Perasmian Mara Career Crafting 2026 central Chapter di German-Malaysian Institute pada Isnin.



Rosni (tiga dari kanan) menyampaikan sijil kepada peserta.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 SEPTEMBER 2026 (SELASA)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	MRSM Kuantan juara Debat Piala Timbalan Perdana Menteri 2026
PAUTAN	https://tinyurl.com/mtakcphp

MRSM Kuantan juara debat Piala Timbalan Perdana Menteri 2026

Pemenang bawa pulang RM10,000 dan piala pusingan

Parit: Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kuantan muncul juara Debat MRSM Piala Timbalan Perdana Menteri 2026 kategori bahasa Melayu menewaskan MRSM Pengkalan Hulu.

Bertindak sebagai pembangkang yang mendebatkan usul "Mengembalikan Hukuman Mati Mandatori", pasukan MRSM Kuantan membawa pulang wang tunai RM10,000 dan piala pusingan.

MRSM Gemencheh pula muncul johan bagi kategori bahasa Arab selepas menewaskan MRSM Tun Ahmad Abdullah Badawi, manakala bagi kategori bahasa Inggeris pasukan dari MRSM Langkawi muncul johan menewaskan pasukan MRSM Tun Ghafar Baba.

Bagi edisi kali ini yang berlangsung Jumaat lalu hingga semalam, pertandingan itu menghimpunkan 528 pendebat dari 58 MRSM seluruh negara dan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM53,000.

Pertandingan yang diperkenal pada 2009 dan dijenama sebagai Debat MRSM Piala Timbalan Perdana Menteri pada 2023 memberi peluang kepada pelajar seawal Tingkatan Satu berinteraksi dan bersaing bersama-sama pendebat senior Tingkatan Lima dalam suasana perdebatan yang sihat.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki menyampaikan hadiah kepada pemenang, di MRSM Parit, semalam.

Ketika ditemui pemberita, Asyraf Wajdi berkata, MRSM Ulul Albab sudah melahirkan lebih 4,800 hafiz al-Quran dan mereka mencebur pelbagai bidang profesional di dalam dan luar negara.

Lepasi sasaran KPI

Beliau berkata, program MRSM Ulu Albab berada pada landasan tepat dalam melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan, iaitu sekurang-kurangnya 400 pelajar menghafaz 30 juzuk al-Quran setiap tahun.

"Tahun ini sahaja kita mencapai KPI apabila sebanyak 438 pelajar berjaya khatam menghafaz 30 juzuk al-Quran. Ini menjadikan keseluruhan lebih 4,800 pelajar keluaran MRSM Ulul Albab bergelar hafiz dan berkhidmat dalam pelbagai lapangan profesional," katanya.

Asyraf Wajdi berkata, pelaksanaan program 'mini Ulul Albab' yang dilancarkan bermula awal tahun lalu kini diperluas ke semua 50 MRSM di seluruh negara, di samping lapan MRSM Ulul Albab.

Langkah itu katanya, membolehkan pelajar di MRSM selain MRSM Ulul Albab menguasai sekurang-kurangnya lima juzuk al-Quran menjelang tamat Tingkatan Lima, sekali gus memudah serta memenuhi syarat kelayakan bagi mereka yang berhasrat melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Universiti Al-Azhar. BERNAMA



Pemenang kategori bahasa Melayu bergambar bersama Asyraf Wajdi pada Program Debat MRSM Piala Timbalan Perdana Menteri 2026 di MRSM Parit, semalam. (Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)



Pemenang kategori bahasa Arab pada Program Debat MRSM Piala Timbalan Perdana Menteri 2026 di MRSM Parit, semalam.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my